

Kesan Persekitaran UTM Dalam Membangunkan Aspek Sosial Pelajar

Mohd Anuar Abdul Rahman & Noor Safrina Othman

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan faktor persekitaran UTM dalam membangunkan aspek sosial pelajar. Faktor persekitaran yang dikaji ialah Pusat Kokurikulum UTM, kumpulan rakan sebaya, kolej kediaman, fakulti dan juga Hal Ehwal Pelajar. Seramai 228 orang pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan telah dipilih secara rawak mudah untuk dijadikan responden kajian. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A melibatkan latar belakang responden dan bahagian B melibatkan maklum balas responden terhadap faktor persekitaran. Dapatan daripada kajian rintis menunjukkan pekali kebolehpercayaan alfa adalah 0.957. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science version 16* bagi mendapat nilai min, peratus, sisihan piawai, ujian-t dan ANOVA. Hasil kajian menunjukkan kesan persekitaran UTM dalam membangunkan sosial pelajar berada di tahap tinggi di mana faktor paling dominan ialah Pusat Kokurikulum UTM. Hasil ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap faktor Pusat Kokurikulum UTM dan kumpulan rakan sebaya dalam membangunkan aspek social berdasarkan penempatan asal. Manakala terdapat perbezaan persepsi pelajar berdasarkan penempatan asal bagi faktor kolej kediaman, fakulti dan HEP dalam membangunkan aspek sosial pelajar. Hasil ujian ANOVA pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap kelima-lima faktor persekitaran dalam membangunkan aspek sosial berdasarkan jabatan. Akhir sekali, disertakan beberapa cadangan untuk tindakan pihak-pihak berkaitan dan cadangan kajian lanjutan bagi panduan kajian pada masa akan datang.

Katakunci : kesan persekitaran UTM, aspek sosial pelajar

Pengenalan

Sistem pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk generasi dan pemimpin pada masa akan datang. Ia merupakan wahana utama yang dapat menghasilkan individu yang cekap memainkan peranannya dalam proses pembangunan diri sendiri, proses pembangunan masyarakat dan juga negara. Dalam konteks ini, pendidikan dikatakan sebagai agen pembangunan diri manusia dan pembangunan sumber tenaga manusia. Menurut Sufean Hussin (2004), tujuan pendidikan adalah untuk melahirkan individu yang terdidik dalam pelbagai segi agar mereka matang berfikir, berkemahiran untuk mendukung aspirasi negara agar hasrat pembangunan masyarakat dari segi fizikal, material dan spiritual dapat dicapai sepenuhnya.

Pendidikan boleh dikategorikan kepada beberapa peringkat iaitu bermula dengan peringkat rendah, menengah rendah, menengah atas dan peringkat tinggi. Peringkat tinggi adalah kemuncak bagi sistem pendidikan. Pada tahap ini, ia akan melahirkan individu-individu yang mempunyai aras intelek yang tinggi merentasi pelbagai bidang seperti bidang kedoktoran, kejuruteraan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Contoh pendidikan pada tahap tinggi ialah pendidikan di peringkat universiti.

Universiti merupakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menjadi pemangkin ke arah proses penjanaan ilmu di samping menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkelayakan dan berketerampilan bagi memenuhi keperluan dan aspirasi negara sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Wawasan 2020. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjelaskan

bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta member sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Secara keseluruhan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan jelas berpaksikan ketuhanan yang mempunyai beberapa perkara pokok antaranya mahu melahirkan warganegara Malaysia yang baik serta memperkembangkan potensi individu yang bersifat menyeluruh dan bersepadu dengan ciri-ciri insan yang seimbang. (Jamaludin *et al.* 1996).

IPT juga berperanan dalam melahirkan graduan yang akan menjadi penggerak negara. Bersesuaian dengan itu, mereka perlu dibekalkan dengan segala ilmu, kemahiran dan sikap yang mencukupi supaya mereka dapat meneruskan kehidupan yang bermakna bukan sahaja untuk diri mereka sendiri malah kepada masyarakat dan juga negara. Di dalam erti kata lain, pendidikan di IPT bertujuan untuk membekalkan ilmu, kemahiran dan sikap untuk pelajar berkebolehan menanggapi cabaran hidup masing-masing. Oleh yang demikian, segala proses dalam pendidikan adalah untuk pembangunan manusia dan proses ini dimantapkan dan dilengkapkan di universiti.

Dengan itu, peranan IPT dalam era globalisasi sekarang sudah menjadi semakin mencabar. Tugas utama bukan hanya untuk mendidik malah ia lebih ke arah pembentukan mahasiswa yang dinamik dan pragmatik. Disebabkan ini, persekitaran IPT itu perlu dipertingkatkan kerana ia akan menyumbang dalam menghasilkan para graduan yang berkualiti tinggi. Dalam era globalisasi, mahasiswa bukan sahaja memerlukan kepelbagaian ilmu akademik untuk meningkatkan keupayaan intelek, malah mereka juga memerlukan penguasaan ilmu kepimpinan, keupayaan berinteraksi dan kemahiran dalam berbagai bahasa bagi melahirkan tenaga kerja yang dapat memenuhi keperluan negara dan antarabangsa. Selain itu, mereka juga perlu diseimbangi dengan ciri-ciri sahsiah yang unggul kerana mereka inilah yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan dan bakal memikul tanggungjawab untuk membawa Malaysia terus ke mata dunia.

Pernyataan Masalah

Pembangunan pelajar di universiti merupakan tanggungjawab semua pihak bagi melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik malah mempunyai kemahiran, sikap, nilai serta akhlak yang terpuji. Dengan ini, ia mampu menjadikan mahasiswa itu seseorang yang memiliki nilai tambah dalam diri mereka. Manakala pembangunan dari aspek sosial dilihat mempunyai hubungan dengan kemahiran interpersonal pelajar. Ia merangkumi bagaimana persekitaran dapat menyumbang kepada kemahiran berkomunikasi, kemahiran berhubung serta kemahiran membina persahabatan.

Seperti yang kita sedia maklum, di dalam kehidupan setiap orang sering berkomunikasi di antara satu sama lain. Oleh sebab itu, pembangunan sosial adalah salah satu aspek yang penting supaya mereka dapat memupuk perhubungan yang erat serta dapat memudahkan mereka untuk melibatkan diri dengan orang-orang di sekitarnya. Mereka juga perlu mempunyai pengetahuan dalam aspek ini supaya mereka tidak mudah terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat. Selain itu, dengan adanya kemahiran sosial yang baik, pelajar akan rasa lebih berkeyakinan dan dapat menonjolkan potensi diri yang terdapat di dalam diri mereka. Secara tidak langsung, ia dapat memberi persediaan kepada mereka untuk menghadapi dunia pekerjaan kelak.

Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan faktor persekitaran UTM dalam membangunkan aspek sosial pelajar. Persekitaran yang dimaksudkan di sini ialah Pusat Kokurikulum UTM, fakulti, Hal Ehwal Pelajar (HEP), kolej kediaman dan juga kumpulan rakan sebaya. Melalui hasil kajian ini, kita dapat mengetahui sama ada faktor persekitaran tersebut berjaya membangunkan aspek sosial pelajar atau pun sebaliknya.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pelajar UTM tentang kesan faktor persekitaran UTM terhadap pembangunan sosial mereka. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap kesan persekitaran UTM (Pusat Kokurikulum UTM, kumpulan rakan sebaya, kolej kediaman, fakulti dan Hal Ehwal Pelajar) dalam membangunkan aspek sosial pelajar.
2. Mengetahui faktor persekitaran UTM yang paling dominan dalam membangunkan aspek sosial pelajar.
3. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kesan persekitaran UTM dalam membangunkan aspek sosial berdasarkan penempatan asal.
4. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kesan persekitaran UTM dalam membangunkan aspek sosial berdasarkan jabatan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pentadbiran UTM serta pelajar dengan menjadikan ia sebagai rujukan dalam memperbaiki serta memantapkan lagi usaha-usaha yang dilakukan untuk membangunkan aspek sosial pelajar. Ini adalah penting kerana mahasiswa merupakan generasi pemimpin pada masa akan datang dan mereka inilah yang akan mencorakkan masa depan negara. Oleh sebab itu, mereka perlu diberi bimbingan dari aspek ini supaya graduan yang dilahirkan nanti mempunyai kemahiran, sikap, nilai serta akhlak yang terpuji. Selain itu, sudah menjadi tanggungjawab universiti untuk menghasilkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik malah mencakupi aspek sahsiah pelajar. Maka dengan ini, diharapkan apa yang bakal dikemukakan nanti dapat diperhalusi bagi merealisasikan matlamat untuk kepentingan bersama. Berikut adalah kepentingan-kepentingan yang dapat diperolehi oleh pihak-pihak yang berkaitan:

Hal Ehwal Pelajar : Kajian ini dapat membantu pihak HEP dalam memberi gambaran berkaitan usaha-usaha yang dilakukan untuk membangunkan aspek sosial pelajar. Dengan ini, pihak HEP dapat membuat penilaian serta penambahbaikan untuk merangka aktiviti-aktiviti yang mampu menjurus kepada pembangunan sosial pelajar secara lebih efektif. Selain itu, ia juga dapat memberi maklum balas tentang kesan penerimaan pelajar terhadap peraturan-peraturan yang dibuat bagi mendisiplinkan diri pelajar.

Pusat Kokurikulum UTM : Kajian ini dapat membantu Pusat Kokurikulum UTM dengan memberikan maklum balas berkaitan pencapaian matlamat yang dikehendaki untuk membangunkan aspek sosial pelajar menerusi program-program yang ditawarkan. Dengan itu pihak Pusat Kokurikulum UTM boleh mengkaji semula kelemahan-kelemahan yang ada, seterusnya melaksanakan pembaharuan yang mampu membangunkan sosial pelajar dengan lebih berkesan.

Fakulti Pendidikan : Kajian ini dapat memberi maklum balas kepada pihak fakulti pendidikan berkenaan keberkesanan usaha-usaha yang dilakukan untuk membangunkan social pelajar. Dengan ini fakulti pendidikan boleh merancang inisiatif baru untuk memperbaiki serta mempertingkatkan usaha yang dilakukan untuk melahirkan bakal-bakal guru yang mempunyai kemahiran sosial yang tinggi.

Kolej Kediaman : Kajian ini dapat dijadikan panduan asas kepada pihak kolej kediaman dalam menguruskan program pembangunan pelajar terutamanya dari aspek sosial. Ini kerana dapatan akan menunjukkan kesan yang di terima pelajar dari segi kepuasan mereka menerusi kemudahan, aktiviti, peraturan serta persekitaran kolej yang mampu membangunkan aspek sosial dalam diri mereka. Selain itu, ia juga dapat dijadikan rujukan untuk pihak kolej menyediakan program-program yang lebih terancang dalam membantu universiti melahirkan pelajar yang cemerlang dari aspek akademik dan juga sahsiah.

Pelajar : Kajian ini dapat dijadikan sebagai satu saluran kepada pelajar untuk membuat penilaian terhadap faktor persekitaran UTM dalam memberi kesan ke atas pembangunan sosial mereka. Di samping itu, hasil kajian ini nanti dapat digunakan oleh pelajar untuk mengenal pasti peranan yang perlu dimainkan oleh mereka dalam membantu membangunkan aspek sosial.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan faktor persekitaran UTM dalam membangunkan aspek sosial pelajar. Persekitaran UTM boleh terdiri daripada pelbagai faktor seperti kurikulum, kokurikulum, kolej kediaman, fakulti, kemudahan fizikal dan pelbagai lagi. Walaubagaimanapun, dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada lima faktor persekitaran iaitu Pusat Kokurikulum UTM, kumpulan rakan sebaya, kolej kediaman, fakulti dan Hal Ehwal Pelajar. Selain daripada lima faktor tersebut tidak akan diambil kira.

Manakala populasi kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan UTM, Skudai Johor bagi sesi 2008/2009. Seramai 228 orang pelajar tahun akhir dari semua program pengajian yang ditawarkan (SPJ, SPA, SPE, SPH, SPI, SPS, SPF, SPC, SPM, SPN, SPP, SPT, SPK) telah dipilih sebagai responden kajian berdasarkan persampelan secara rawak mudah. Selain itu, kajian ini juga terbatas kepada semua item yang terkandung dalam borang soal selidik yang diedarkan untuk melihat maklum balas pelajar terhadap kesan faktor persekitaran UTM terhadap pembangunan sosial mereka.

Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan pelajar tahun akhir dari Fakulti Pendidikan UTM, Skudai Johor, maka keputusan kajian agak terbatas dan tidak boleh digunakan untuk menggambarkan secara menyeluruh berkenaan kesan persekitaran UTM dalam membangunkan aspek sosial pelajar secara keseluruhannya.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk melihat kesan faktor persekitaran UTM dalam membangunkan sosial pelajar. Menurut Mohd Majid (2005), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Selain itu, penyelidikan ini juga seringkali digunakan untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji.

Manakala kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu borang soal-selidik. Menurut Mohd Najib (2003), kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang popular. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lintas lalu melalui sekali kutipan data, selalunya melalui soal selidik. Selain itu, kaedah ini juga mudah dilakukan, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan kemudian

maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan data daripada sampel saiz besar kerana kaedah lain adalah sukar dan kompleks.

Dalam borang soal selidik yang diedarkan, ia mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan yang terdiri daripada item-item demografi responden. Item-item pada bahagian ini meninjau perkara berkaitan dengan latar diri responden seperti jantina, bangsa, penempatan asal, jabatan dan kursus. Bahagian B pula adalah item-item berkenaan kesan faktor persekitaran UTM dalam membangunkan sosial pelajar yang mengandungi 53 soalan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan UTM Skudai Johor. Rasional memilih pelajar tahun akhir adalah disebabkan mereka ini lebih lama melalui proses pembangunan di UTM. Oleh itu, dengan memilih pelajar tahun akhir, ia dapat memberi gambaran secara keseluruhan keberkesanan usaha UTM dalam membangunkan aspek sosial pelajar.

Secara keseluruhannya, jumlah populasi bagi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan adalah sebanyak 533 orang. Walaubagaimanapun, berdasarkan jadual penentuan saiz sampel seperti yang disyorkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), jika saiz populasi berjumlah di antara 500 dan 550 orang, maka jumlah saiz sampelnya adalah 226 orang.

Sebanyak 270 borang soal selidik telah diedarkan bagi menjamin bahawa jumlah yang dikehendaki dalam kajian ini dapat dipenuhi dan memastikan hanya responden yang menjawab dengan lengkap sahaja dijadikan sampel. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir dari semua program kecuali Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Elektrik). Ini kerana pelajar dari program ini telah digunakan sebagai sampel untuk kajian rintis. Bagi pemilihan sampel bagi setiap program, pengkaji menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah. Di dalam persampelan rawak mudah, setiap unsur dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Menurut Mohd Majid (2005), persampelan rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Selain itu, persampelan rawak mudah sesuai dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Menurut Tuckman (1978), instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Manakala Cates (1983) pula berpendapat, penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia merupakan cara yang paling sesuai digunakan. Dengan menggunakan soal selidik juga responden tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkannya mereka menjawab dengan jujur (Cockburn, 1996). Pembinaan soal selidik ini telah dilakukan berdasarkan beberapa andaian yang telah dicadangkan oleh Wolf (1988) iaitu:

- i. Responden mudah membaca dan memahami item-item soal selidik.
- ii. Responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik.
- iii. Responden menjawab soal selidik secara suka rela dan ikhlas.

Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian sebenar, satu kajian rintis telah dilakukan ke atas 15 orang pelajar tahun akhir dari Fakulti Pendidikan. Pelajar yang dijadikan sampel kajian rintis adalah merupakan pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Elektrik). Maka dengan ini, pelajar daripada program tersebut tidak akan digunakan sebagai sampel sebenar. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik di samping menguji kefahaman pelajar terhadap item-item instrumen sama ada ianya bersesuaian dengan pengalaman pelajar dan dapat memenuhi objektif kajian yang dijalankan. Menurut Polit *et al.* (2001), kajian rintis adalah merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Baker (1994) pula berpendapat, kajian rintis boleh merupakan pra ujian untuk mencuba instrumen kajian yang khusus.

Kajian rintis dapat membantu pengkaji memperoleh petunjuk awal tentang mana-mana bahagian kajian yang mungkin tidak tepat atau gagal. Ianya juga membolehkan pengkaji mengenal pasti sebarang kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaiki kelemahan tersebut. Menurut Borg dan Gall (1983), kajian rintis ialah satu kajian yang dilaksanakan sebelum set soal selidik diedarkan kepada responden sebenar. Tujuan utama kajian rintis dijalankan ialah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi mencapai matlamat penyelidikan. Kajian rintis membolehkan pengkaji mengenal pasti kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya supaya tidak menjejaskan hasil kajian.

Borang soal selidik yang lengkap dikumpul dan dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Sciences Version 16.0*. Dapatan analisis menunjukkan keseluruhan nilai-nilai alfa untuk semua item dalam soal selidik adalah sebanyak 0.957. Berdasarkan dapatan tersebut, ia menunjukkan soal selidik ini sesuai digunakan untuk tujuan kajian. Ini kerana menurut Mohd Najib (2001), sekiranya nilai alfa yang diperolehi adalah 0.8 ke atas, maka tahap kebolehpercayaan adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa soalan tersebut adalah seragam.

Analisis Data

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi pelajar terhadap faktor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalam membangunkan aspek sosial. Hasil daripada kajian didapati item ke-53 iaitu “Garis panduan pemakaian yang digariskan HEP dapat membina penampilan yang positif dalam diri saya” mendapat nilai min tertinggi sebanyak 3.96 dengan sisihan piawainya 0.841. Sebanyak 21.1% responden sangat setuju, 63.6% setuju, 8.3% kurang setuju, 4.4% tidak setuju dan 2.6% responden menjawab sangat tidak setuju.

Pernyataan yang mendapat nilai min ke-2 tertinggi ialah item ke-49 iaitu “Program HEP dapat memupuk semangat kekitaan diantara saya dengan rakan” yang mana nilai min yang diperolehi adalah sebanyak 3.93 dengan sisihan piawai 0.790. Terdapat seramai 20.6% responden sangat setuju, 57.9% setuju, 15.4% kurang setuju manakala 5.7% responden tidak setuju dan 0.4% sangat tidak setuju.

Bagi pernyataan item ke-46 iaitu “Program yang dianjurkan HEP membina keyakinan diri saya sewaktu melaksanakan aktiviti” didapati bilangan yang menjawab sangat setuju adalah sebanyak 18.4%, setuju 58.3%, kurang setuju 17.1% manakala tidak setuju 4.8% dan sangat tidak setuju 1.3%. Pernyataan ini merupakan min ke-3 tertinggi dengan nilai 3.88 dan sisihan piawai sebanyak 0.809.

Jadual 4.12: Taburan Responden Mengikut Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Pelajar Terhadap Faktor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Dalam Membangunkan Aspek Sosial

Bil	Item soalan	1	2	3	4	5	MIN	SP
		STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)		
43	Program anjuran HEP dapat memupuk sifat prihatin saya dengan masyarakat luar.	3	15	54	116	40	3.77	0.862
		13	6.6	23.7	50.9	17.5		
44	Program yang dianjurkan HEP dapat membentuk sikap positif dalam diri saya.	3	18	45	117	45	3.80	0.891
		13	7.9	19.7	51.3	19.7		
45	Cara pemakaian yang ditetapkan oleh HEP ke atas pelajar menjadikan saya lebih selesa untuk bergaul.	7	13	39	125	44	3.82	0.916
		3.1	5.7	17.1	54.8	19.3		
46	Program yang dianjurkan HEP membina keyakinan diri saya sewaktu melaksanakan aktiviti.	3	11	39	133	42	3.88	0.809
		13	4.8	17.1	58.3	18.4		
47	Program HEP dapat memberi keyakinan kepada saya untuk menghadapi dunia luar.	2	15	44	123	44	3.81	0.810
		0.9	6.6	19.3	53.9	19.3		
48	Program HEP memberi saya peluang untuk mengasimilasikan teori dan praktikal yang diperolehi di kampus ke dalam dunia realiti.	1	15	50	123	39	3.81	0.812
		0.4	6.6	21.9	53.9	17.1		
49	Program IIEP dapat memupuk semangat kekitaan diantara saya dengan rakan.	1	13	35	132	47	3.93	0.790
		0.4	5.7	15.4	57.9	20.6		
50	Program HEP dapat melatih saya menjadi pemimpin.	2	25	49	119	33	3.68	0.884
		0.9	11.0	21.5	52.2	14.5		
51	Program HEP dapat meluaskan pergaulan saya dengan rakan-rakan.	4	14	37	125	48	3.87	0.874
		1.8	6.1	16.2	54.8	21.1		
52	Program pilihan raya anjuran HEP dapat menyediakan saya sebagai seorang warganegara yang bertaanggungjawab.	12	14	36	125	41	3.74	0.997
		5.3	6.1	15.8	54.8	18.0		
53	Garis panduan pemakaian yang digariskan HEP dapat membina penampilan yang positif dalam diri saya.	6	10	19	145	48	3.96	0.841
		2.6	4.4	8.3	63.6	21.1		
Purata							3.83	0.865

Seterusnya, pernyataan yang memperolehi min yang paling rendah ialah “Program HEP dapat melatih saya menjadi pemimpin” iaitu item ke-50 dengan nilai min sebanyak 3.68 dan sisihan piawai 0.884. Responden yang sangat setuju dengan pernyataan ini adalah sebanyak 14.5%, setuju 52.2%, kurang setuju 21.5%, manakala tidak setuju sebanyak 11% dan sangat tidak setuju 0.9%. Secara puratanya, jumlah min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi dimensi ini masing-masing adalah 3.83 dan 0.865.

Perbincangan

Daripada dapatan yang diperolehi, min keseluruhan menunjukkan kesan persekitaran UTM dalam membangunkan aspek sosial pelajar adalah tinggi. Ini membuktikan bahawa persekitaran mampu mempengaruhi pembangunan diri pelajar. Dapatan ini menyetujui pendapat Chickering (1969) dalam teorinya yang menyatakan bahawa pembangunan pelajar adalah dipengaruhi oleh persekitaran universiti seperti objektif universiti yang jelas dan konsisten dari aspek saiz, kurikulum, pengajaran dan penilaian, susunatur asrama, fakulti, pentadbiran dan akhir sekali budaya pelajar.

Faktor persekitaran yang memberi impak yang besar kepada pembangunan social pelajar adalah faktor Pusat Kokurikulum UTM. Ini bermakna semua modul yang ditawarkan seperti modul kesenian dan kebudayaan, pembinaan diri dan kemasyarakatan, sukan dan jati diri serta program khas mampu memenuhi keperluan pembangunan sosial pelajar. Selain itu, dapatan ini ekoran daripada kokurikulum yang lebih menjuruskan pelajar kepada penglibatan dalam aktiviti-aktiviti seperti aktiviti kumpulan, perkhemahan, lawatan, sukan dan sebagainya. Melalui aktiviti-aktiviti seperti inilah penerapan aspek sosial dapat disalurkan ke dalam diri pelajar. Bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Bucher (1983) ke atas 200 pelajar perempuan mengenai pandangan mereka terhadap aktiviti kokurikulum dan hasil kajian mendapati pelajar tersebut bersetuju tentang manfaat yang diperolehi daripada aktiviti kokurikulum terutamanya dari segi perkembangan jasmani dan juga menyumbang kepada perkembangan sahsiah yang positif.

Azizah (1991) menyatakan bahawa kokurikulum dapat memberi ruang kepada pelajar untuk mengembangkan minat, bakat dan daya kreativiti, di samping dapat menyemai, memupuk dan menanam semangat kerjasama, bertolak ansur dan perasaan kekitaan di kalangan pelajar. Turut menyokong pernyataan ini ialah menerusi kajian Salmah (1993) yang telah membuat kajian di Universiti Sains Malaysia dan mendapati rancangan kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi banyak memberi manfaat kepada pelajar. Antaranya ialah berupaya membentuk warganegara yang sejahtera, rasa berjaya dan rasa termilik. Selain itu Mohamad Nor (1982) dalam kajiannya turut berpendapat bahawa aktiviti-aktiviti kokurikulum mampu membentuk pelajar yang berkeyakinan dalam pergaulan sosial.

Pada masa yang sama, faktor kumpulan rakan sebaya juga mampu member kesan kepada pembangunan sosial pelajar. Ini kerana rakan dikategorikan sebagai individu yang paling rapat dengan remaja selain keluarganya dan mampu mempengaruhi sikap serta diri seseorang remaja. Seperti kajian yang dilakukan oleh Manja (1996), beliau menyatakan apabila seseorang remaja itu sudah yakin dengan pemilihan rakan sebaya yang sama minat, maka hubungan mereka akan menjadi lebih erat lalu mereka akan turut melakukan apa yang dilakukan oleh rakan sebaya. Terdapat beberapa kebaikan yang dapat diperolehi hasil dari hubungan rakan sebaya. Rakan yang baik merupakan tempat di mana pelajar boleh bergantung sekiranya mereka menghadapi masalah. Shahizan, Tsai dan Saw (2003) mentakrifkan rakan yang baik sebagai seseorang yang sedia mendengar, sedia membantu dan sedia bersama pada bila-bila masa sahaja tidak kira ketika kita gembira ataupun sedih. Ini bertepatan dengan hasil kajian yang diperolehi yang mana pelajar berpendapat rakan dapat memudahkan kehidupan mereka di universiti.

Sebagai tambahan, kemahiran generik juga sangat penting sebagai nilai tambah dalam diri pelajar supaya mereka memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh majikan. Ini kerana majikan tidak hanya memandang kepada kecermerlangan aspek akademik semata-mata. Kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memerlukan kemahiran generik untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing. Pekerja yang mempunyai kemahiran generik tersebut akan dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan dan bersifat serba boleh. Oleh itu, kemahiran generik adalah penting bagi ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan adalah seperti adaptabiliti, analitik, komunikasi, inisiatif, interpersional, kepimpinan, keyakinan diri, dan mampu bekerja dengan orang lain (Mohd Safarin dan Kamaruddin, 2004). Gurcharan Sigh Sandhu (2003) pula berpendapat kemahiran generik sangat diperlukan untuk menjadi seorang pekerja yang cemerlang. Oleh sebab itu, tahap keyakinan diri yang tinggi harus dipupuk semasa pelajar menuntut di IPT sebagai persediaan mereka sebelum memasuki alam pekerjaan.

Rujukan

- Ashcroft, K. and Foreman-Peck, L.(1994). *Managing Teaching and Learning in Further and Higher*. London: CVCP.
- Azizah Nordin (1991). *Kokurikulum dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara Menyeluruh*. Jurnal Pendidikan Guru. 7, 33-42.
- Baker, T. L.(1994). *Doing Social Research*. 2nd Edition. New York: Mc Graw-Hill Inc.
- Blumhof, J., Honeybone, A., Pearlman, D. and Pinn, K. (1996). *Tackling the problem of skills development in a modular degree programme: The Skillswise Project*. Oxford, UK: Oxford Centre for Staff Development.
- Cockburn, A.D. (1996). *Primary Teachers Knowledge and Acquisition of Stress Relieving Strategies*. British Journal of Educational Psychology, 66, 339-410.
- Drum. D (1977). *Understanding Student Development*. Morrill W.S., Hurst J.C., Oetting E.R. *Dimensions Of Intervention For Student Development*. A Wiley Interscience Publications: John Wiley & Sons.
- Effendi Zakaria (1998). *Pembelajaran Kooperatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis PhD. Tidak diterbitkan.
- Erikson, E.H. (1968). *Identity, Youth & Crisis*. New York : Norton.
- Fulmer, R.M. (1983). *Practicle Human Relation*. New York: Free Press.
- Kemahiran Sosial. <http://www.myhealth.gov.my/myhealth/bm/remaja>. Dicapai pada 6 September 2008.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size For Research Educational and Psychological Measurement*. 30 : 607 – 610.
- Levinger, G ., (1980). *Toward The Analysis Of Close relationship*. Journal Experimental Social Psychology. 16,pg. 510-544.
- Lizzio, A. and Wilson, K. (2004). *First Year Students' Perception of Capability*. *Research in Higher Education*. Volume 29, Pp 109-126.
- Manja Mohd Ludin (1996). *Psikologi Sosiologi dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzita Abdullah dan Rajmah Hasan Shirat (2003). *Gejala Sosial-Sukar Kawal Pelajar Luar Kampus*. Utusan Melayu 18 January 2003; Utusan Online. Dicapai pada 15 Ogos, 2008.
- Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). *Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan*. Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin
- Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Salmah Hj.Ayob (1993). *Keberkesanan Perancangan Kokurikulum*. Kajian Penyelidikan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Shamsaadal Sholeh Saad (2004). *Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya*. Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, 29-30 Mei 2004, di Universiti Malaya.